

BERITA ONLINE

MYKMU.NET

TARIKH: 30 APRIL 2022 (SABTU)



Peluang saksikan gerhana separa secara langsung  
Ahad ini

The image is a composite graphic. At the top left is the Malaysian coat of arms. To its right, the text 'GERHANA MATAHARI SEPARA' is written in large, glowing green letters, with '1 MEI 2022' below it in glowing orange. Below this, there are two diagrams. The left diagram is a globe showing the eclipse path in green and red, with technical details: 'Partial Saros 119 A Node', '2022 Apr 30 20:43 TD', 'ΔT = 70s', 'Gam = -1.1901', 'Altitude = 0°', and 'Mag = 0.6396'. The right diagram shows a globe with the eclipse path over the Americas, with labels for 'TERRITORY', 'SAROS 119', 'A NODE', 'P1', 'P2', 'P3', 'P4', 'P5', 'P6', 'P7', 'P8', 'P9', 'P10', 'P11', 'P12', 'P13', 'P14', 'P15', 'P16', 'P17', 'P18', 'P19', 'P20', 'P21', 'P22', 'P23', 'P24', 'P25', 'P26', 'P27', 'P28', 'P29', 'P30', 'P31', 'P32', 'P33', 'P34', 'P35', 'P36', 'P37', 'P38', 'P39', 'P40', 'P41', 'P42', 'P43', 'P44', 'P45', 'P46', 'P47', 'P48', 'P49', 'P50', 'P51', 'P52', 'P53', 'P54', 'P55', 'P56', 'P57', 'P58', 'P59', 'P60', 'P61', 'P62', 'P63', 'P64', 'P65', 'P66', 'P67', 'P68', 'P69', 'P70', 'P71', 'P72', 'P73', 'P74', 'P75', 'P76', 'P77', 'P78', 'P79', 'P80', 'P81', 'P82', 'P83', 'P84', 'P85', 'P86', 'P87', 'P88', 'P89', 'P90', 'P91', 'P92', 'P93', 'P94', 'P95', 'P96', 'P97', 'P98', 'P99', 'P100'.

Penduduk Malaysia khususnya peminat astronomi berpeluang menyaksikan kejadian gerhana matahari separa secara langsung dari benua Antartika pada Ahad ini.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, ia bakal disiarkan menerusi saluran Youtube dan Facebook rasmi Planetarium Negara bermula pukul 2.30 pagi.

“Siaran langsung ini akan beri peluang kepada rakyat Malaysia menyaksikan fenomena itu kerana kali ini ia tidak dapat disaksikan terus dari mana-mana lokasi di Malaysia.

“Fenomena itu juga merupakan kejadian gerhana yang pertama dalam tahun ini dan turut berlaku di sekitar wilayah rantau Amerika Selatan yang berhampiran Antartika,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Tambah kenyataan itu, fenomena tersebut akan bermula dengan fasa separa pada pukul 2.45 pagi waktu Malaysia sebelum mencapai litupan maksimum menjelang 4.41 pagi dan ia dijangka berakhir 6.37 pagi.

“Ketika kemuncak kejadian berkenaan, litupan matahari secara maksimum akan mencecah sehingga 64 peratus namun bergantung kepada lokasi pencerapan di sekitar Kutub Selatan,” katanya.

Mengulas lebih lanjut, kementerian itu memaklumkan bahawa lokasi paling awal yang dapat menyaksikan fenomena gerhana separa tersebut ialah di sekitar tenggara Lautan Pasifik.

“Ini diikuti dengan sebahagian besar benua Antartika sebelum pergerakannya menuju ke arah benua Amerika Selatan dan berakhir di sebahagian Lautan Atlantik,” tambahnya lagi.

Kejadian alamiah itu berlaku kira-kira 4.7 hari lagi sebelum bulan berada pada kedudukan apogee iaitu titik orbit bulan yang paling jauh dari bumi dengan jaraknya 405,286 kilometer.

Magnitud gerhana matahari separa itu ujarnya, adalah 0.6396 dengan kadar maksimum dijangka dapat disaksikan di Drake Passage, kawasan antara Antartika dan Amerika Selatan. - K Online